

22 FEB 1997

Mahathir-Pelajar

MASALAH PEMBABITAN PELAJAR DALAM KEGIATAN JENAYAH SERIUS, KATA PM

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata masalah pembabitan pelajar sekolah dalam kegiatan jenayah termasuk pengedaran dan penagihan dadah kini "cukup serius" dan masyarakat sudah tidak boleh menyembunyikannya lagi.

Perdana Menteri berkata keburukan ini perlu didedah kerana jika disembunyikan, ia akan merebak.

"Saya berpendapat bahawa kalau sudah sampai kepada budak-budak sekolah terlibat, ini serius, cukup serius.

"Sebab itu kita sebut perkara ini secara terbuka. Sehingga kini, kebanyakan daripada kita nak sembunyi. Tak mahu tunjuk keburukan kita," kata beliau kepada pemberita pada majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas penahanan pelajar sekolah yang disyaki terbabit dalam kegiatan kongsi gelap, pengedaran dan penagihan dadah. Sepanjang minggu ini sahaja polis di tiga negeri Johor, Pahang dan Melaka dilaporkan menahan 95 pelajar, termasuk pelajar perempuan.

Perdana Menteri juga berkata polis tidak perlu mengambil tindakan keterlaluan seperti menggari pelajar sekolah yang disyaki terbabit dengan jenayah.

Mereka perlu menggunakan budi bicara mereka dalam sesetengah kes seperti ketika menahan pelajar-pelajar berkenaan, walaupun katanya, beliau sedar bahawa menggari seseorang yang disyaki bersalah mungkin amalan biasa polis.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri bagaimanapun berkata ini tidak bermakna tindakan tidak akan diambil terhadap pelajar-pelajar berkenaan.

"Saya berpendapat bahawa budak ini (pelajar yang terlibat dengan jenayah) memang perlu diambil tindakan tapi mungkin tak perlulah dengan digari. Kalau (boleh) bawa dia sahaja (ke balai polis).

"Tapi kalau kita sembunyi sangat (tindakan pelajar-pelajar berkenaan) pun tak bagus," kata beliau.

Dr Mahathir berkata masyarakat sendiri perlu mengambil pendirian iaitu sama ada mereka hendak membiarkan pelajar-pelajar berkenaan terus terjerumus dalam kegiatan jenayah atau mengambil tindakan sewajarnya supaya ia tidak merebak.

"Kalau kita tak ambil tindakan, saya yakin tak lama lagi anak-anak kita sendiri akan terlibat dengan dadah," kata beliau.

Dr Mahathir berkata jika ia disembunyikan, pelajar berkenaan akan berpendapat bahawa segala kesalahannya tidak akan diketahui orang ramai.

"Jadi orang kena tahu...kita kena jangan melindungi (mereka) sangat. Kalau kita lindung, dia rasa dia boleh buat apa sahaja," katanya.

Ketika ditanya sama ada tindakan pelajar-pelajar boleh diawasi supaya mereka tidak terlibat dalam kegiatan jenayah, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak mampu untuk berbuat demikian kerana bilangan pelajar terlalu ramai.

"Kita semua sedar tentang perkara ini. Kadang-kadang kapasiti kita untuk menguatkuasakan sesuatu agak tidak begitu besar. Kita bukan sahaja menghadapi kes dadah, kita (ada) banyak lagi kes seperti lepak, bohsia, pencemaran alam sekitar dan sebagainya."

Beliau berkata dalam perkara ini kerajaan dan masyarakat - guru,

gurubesar, guru disiplin, Jabatan Pendidikan, orang ramai yang mendapat maklumat dan juga ibu bapa - harus memikul tanggungjawab bersama dalam menangani masalah itu.

Ketika ditanya sama ada perlu ditubuhkan satu jawatankuasa peringkat tertinggi untuk menangani masalah itu, Dr Mahathir berkata ia sudah lama wujud.

Selepas menikmati juadah pada jamuan itu, Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali kemudian menghadiri majlis rumah terbuka Umno Bahagian Bukit Bintang di sini.

Beliau turut menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada beberapa orang wargatua Wilayah Persekutuan pada majlis itu . --BERNAMA

ES RAZ RON